

SETIA KEPADA UMNO

Ahli UMNO perlu hayati konsep kesetiaan sepanjang hayat.

Ini kerana mereka lahir, membesar dan meninggal bersama parti keramat itu.

PP Ahli UMNO dilihat mempunyai kecenderungan asas iaitu cinta kepada parti, justeru itu, semua anggota UMNO perlulah bersatu dalam apa jua keadaan."

DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK
Presiden UMNO

BERITA DI MUKA 3



KELUARAN KHAS

Pemangkin Fikiran Rakyat

www.utusan.com.my


UTUSAN MALAYSIA

SAMBUTAN HARI ANGGOTA BOMBA SEDUNIA 2016



ANGGOTA pasukan Storm Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mempersembahkan satu aksi akrobatik sewaktu majlis persiaran Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2016 di Pusat Konvensyen Antarabangsa, Persada, Johor Bahru, semalam. Turut diadakan ialah perarakan perbarisan oleh 22 kontinjen disertai seramai 1,620 anggota JBPM, dan pelajar sekolah serta 62 unit kenderaan jabatan berkenaan. [BERITA DI MUKA 6] - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Bayi 16 bulan maut tersembam dalam baldi »14



GST kutip RM27.31b



RM27.31b GST dikutip dari 1 April 2015 sehingga 8 Mei 2016.

Peningkatan 88.34% (RM12.81b) berbanding tempoh sama pada tahun sebelumnya.

Tahun lepas RM51.15b dikutip, sasaran tahun ini RM39b.

BERITA DI MUKA 7

PP

Ingin saya tegaskan bahawa tiada peniaga yang 'gulung tikar' ekoran pelaksanaan GST kerana sistem cukai itu tidak akan meningkatkan kos."

DATUK SERI KHAZALI AHMAD
Ketua Pengarah Kastam



UTUSANBIZ

KWSP cari peluang pelaburan dalam infrastruktur, ekuiti »17



TABUNG
Pendidikan

CABUTAN Wow!

SSPN-i^{Plus}
SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL

HADIAH BERNILAI
RM3,000,000
UNTUK DIMENANG!!

Jangan Lepaskan Peluang!!!
Promosi Berakhir 31 Mei 2016



HADIAH SUKU TAHUN X 1
BMW 320i



HADIAH PERTAMA X 1
Apartmen bernilai
RM500,000

HADIAH KEDUA X 5
Honda HR-V 1.8L V

HADIAH KETIGA X 10
Motosikal Kawasaki ER-6f

SAGUHATI X 250
Baucer Tunai Bernilai
RM2,000

Wanita rugi RM16,000 dipukau 'ustaz' »25



www.ptptn.gov.my

*Tertakluk kepada termasuk syarat. **Imej yang dipaparkan adalah ilustrasi sahaja.

Sindiket pemerdagangan manusia »4

10 warga asing bolos di KLIA setiap hari.
30 termasuk penguat kuasa terlibat.

EKSKLUSIF



DAP tolak usul ADUN PKR

Pertelingkahan PKR dan DAP dijangka berterusan susulan empat usul tiga wakil rakyat PKR dalam sidang DUN ditolak Kerajaan DAP Pulau Pinang.

Usul dikemukakan ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin, Lee Khai Loon (Machang Bubuk) dan Ong Chin Wen (Bukit Tengah).

Ia membabitkan isu kajian tambakan laut untuk membina tiga buah pulau buatan dan peruntukan kepada Pejabat Tanah Daerah SPT.

BERITA DI MUKA 8



Vida sedia beli saham Rayani Air »14




Muda, belum lagilah! »22



SENYUM KAMBING

Bersatulah dalam apa jua keadaan, pesan Najib kepada UMNO.




Demi agama, bangsa dan negara.



Piala AFC:
Selangor gagal ke pusingan kedua »32

Mengaku cederakan bekas isteri, Awie didenda RM2,000 »14



CABUTAN Wow!

HADIAH BERNILAI RM3,000,000 UNTUK DIMENANG!!

Jangan Lepaskan Peluang!!! Promosi Berakhir 31 Mei 2016

SSPN-i^{Plus}
SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL

TABUNG Pendidikan

HADIAH BERNILAI RM3,000,000 UNTUK DIMENANG!!

HADIAH PERTAMA X 1 Apartmen bernilai RM500,000

HADIAH KEDUA X 5 Honda HR-V 1.8L V

HADIAH KETIGA X 10 Motosikal Kawasaki ER-6f

SAGUHATI X 250 Baucer Tunai Bernilai RM2,000

www.ptptn.gov.my



Penduduk bimbang kesesakan lebih parah dengan persimpangan baru

Tolong lebarkan Jalan Mergastua

AMIRUL AIMAN ANUAR
kota@utusangroup.com.my

KUALA LUMPUR 10 MEI

DEWAH Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) digesa mempercepat kerja pelebaran Jalan Mergastua, Kepong Baru kepada dua lorong sehala kerana jalan perhubungan penting itu didakwa tidak lagi mampu menampung kesesakan kenderaan terutama pada waktu puncak.

Penduduk memaklumkan keadaan akan bertambah parah apabila satu lagi persimpangan akan dibuka iaitu Jalan 1/40 dari bandar Kepong yang bersambung dengan Bulatan Taman Petaling Kepong yang akan membawa lebih banyak aliran kenderaan ke situ.

Ketua Pusat Perkhidmatan Komuniti Kepong, Yee Poh Ping berkata, cadangan pelebaran telah dimajukan kepada DBKL lebih kurang dua tahun lalu dan kajian seperti tinjauan juga sudah dilakukan Jabatan

Persiaran Mergastua, Kepong dijangka makin sesak apabila Jalan 1/40 siap

Kaji semula aliran trafik

YAHYU MUHAMAD AMY AHMAD

KUALA LUMPUR & NEGARA

Utusan Malaysia

7 September 2013

Perancangan Infrastruktur namun ia berakhir di situ.

Tanah rizab di kiri dan kanan jalan tersebut dilihat cukup untuk pelebaran jalan daripada dua kepada empat lorong dibuat supaya trafik lebih lancar serta mengatasi kesesakan yang menjelaskan kawasan kejiranan sekitar.

"Menjadi persoalan mengapa kerja pelebaran hanya dilakukan

kira-kira 100 meter daripada persimpangan Jalan Kepong Baru memasuki ke Persiaran Mergastua dan tidak diteruskan sepanjang jalan.

"Rizab tanah yang ada kini menjadi lokasi penjaja makanan pada sebelah petang dan ini mengakibatkan kesesakan lebih teruk di sini," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Sementara itu, Pengurus Persekutuan Penduduk Pangaspuri Seri Jinjang Baru, Yee Tian King berkata, rata-rata penduduk di sini perlu memenuhi kesesakan selama 30 minit dan adakalanya lebih daripada itu.

Hal itu katanya, tidak dapat diambil mewujudkan panjang jalan tersebut hanya kira-kira satu kilometer sahaja dan pelebaran jalan penting supaya jumlah trafik tinggi akibat kepada penduduk dapat berjalan lancar.

"Rata-rata penduduk berpusus-pusus menggunakan jalan ini untuk keluar dan masuk kesesakan makin parah apabila jalan ini digunakan orang ramai sebagai jalan pintas untuk ke Bukit Maluri, Bandar Menjalara dan Sungai Buloh.

"Panjang kesesakan berlaku bermula dari lampu isyarat di simpang Jalan Metro Prima sehingga ke Bulatan Taman Petaling Kepong, ditambah pula mereka yang mahu ke Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP)," katanya lagi.

■ PENDUDUK khususnya kaum ibu di Pangaspuri Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Jalan 5/1, Taman Dagang, Ampang berasa tertekan kerana terpaksa berdepan masalah tekanan air rendah di tingkat tiga dan empat pangaspuri itu.

TEKANAN AIR

NOR ZAKIAH HASNOR

Ampang

JAWAPAN: Siasatan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) mendapati tekanan air dari paip air utama ke pangaspuri tersebut adalah mencukupi. Masalah tekanan air rendah yang dihadapi berpunca daripada sistem paip air dalaman yang tidak diselenggara dengan sempurna. Penduduk dan pihak pengurusan pangaspuri disarankan berbincang untuk membuat pemeriksaan dan pembaikan sistem paip air dalaman pangaspuri.

AMIN LIN ABDULLAH

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Air Selangor

SPAD

KESESAKAN

KAMI sudah bosan dengan kesesakan jalan raya setiap hari bermula dari Selangor hingga Kuala Lumpur melalui Jalan Kuching yang berlaku sejak sekian lama. Saya memohon kerajaan mewujudkan pengangkutan awam seperti Transit Aliran Ringan (LRT) atau Mass Rapid Transit (MRT).

HAMZAH RASHIDI ABU BAKAR

Selayang

JAWAPAN: Sekiranya terdapat permintaan tinggi bagi perkhidmatan pengangkutan awam darat daripada orang awam, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sedia mengkaji dan membuat cadangan kepada kerajaan. SPAD menggalakkan orang ramai mengemukakan pandangan di talian 1-800-88-7723 atau emel kepada aduan@spad.gov.my atau melalui Twitter, @SPAD-channel dan @aduanSPAD serta Facebook, SPAD.



LAMPU ISYARAT

■ TEMPOH masa peralihan warna hijau lampu isyarat di persimpangan berdekatan Berjaya Times Square dari arah Kampung Pandan menuju ke Bukit Bintang terlalu cepat. Masa menunggu kenderaan terlalu lama dan beratur panjang, sekali gus mengakibatkan kesesakan.

AZAN FITRI

Kampung Pandan

JAWAPAN: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memantau keadaan lampu isyarat itu dan menyelaraskan semula tempoh masa lampu tersebut.

UNIT MEDIA DBKL

JALAN ROSAK PPR

JALAN raya di sekitar kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Wahyu rosak teruk akibat kenderaan berat daripada projek berhampiran. Masalah tersebut membahayakan pengguna kenderaan khususnya penunggang motosikal.

RAZMY SULAIMAN

Kuala Lumpur

JAWAPAN: DBKL akan menyiasat perkara tersebut dan tindakan kerja-kerja baik-pulih akan dilaksanakan, selain memantau lori muatan besar terbaik.

UNIT MEDIA DBKL

JALAN ROSAK PPR

LOKASI bazar adalah Gombak (Gombak Setia), Selayang (Kampung Nakoda, Taman Ehsan), Kepong (Kampung Melayu Sungai Buloh) dan Rawang (Bandar Rawang, Taman Tun Teja, Bandar Country Homes).

SELANGOR

116 rumah rosak dilanda ribut

KLANG 10 Mei - Ribut yang melanda Kampung Perekat di sini tiga hari lalu menyebabkan 116 kediaman penduduk rosak sehingga memaksa pusat pemindahan dibuka.

Pegawai Kanan II Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Pinang, S. Sathia berkata, berdasarkan bincangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kebanyakannya bumbung kediaman rosak di terbangkan angin kencang.

Menurutnya, daripada 116 rumah terlibat, sebanyak 43 daripadanya rosak teruk selain beberapa kenderaan dihempap pokok.

"Akibat kejadian ribut kira-kira pukul 7.30 malam itu, satu

pusat pemindahan dibuka di Dewan Orang Ramai Kampung Perekat yang menempatkan 41 mangsa daripada 15 kelurga.

"Bagaimanapun, hanya tinggal 16 mangsa daripada lima keluarga yang masih ditempatkan di pusat pemindahan itu."

"Ramai mangsa pulang ke rumah masing-masing selepas membaik pulih rumah mereka dan ada juga yang ke rumah saudara-mara," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Mengulas lanjut, Sathia berkata, pusat operasi bomba di pusat pemindahan itu telah ditutup dengan operasi diserahkan kepada JKM dan pihak berkuasa tempatan.

SELANGOR

Gangguan perkhidmatan JomPay

KUALA LUMPUR 10 Mei - Perkhidmatan bayaran bil bekalan air Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) melalui talian terus JomPay mengalami gangguan sementara selama lima hari bermula Isnin depan.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Air Selangor, Amin Lin Abdullah berkata, gangguan perkhidmatan itu melibatkan penurunan nombor akaun baharu Syabas dan JomPay.

"Melalui JomPay, pelanggan Syabas yang juga pemegang akaun institusi perbankan boleh membayar bil air secara talian terus."

"Sepanjang tempoh gangguan sementara itu, pelanggan boleh berbuat demikian di kaunter Syabas, melalui ejen-ejen yang dilantik dan e-pay di stesen minyak terpilih serta MOL di 7-Eleven," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

KUALA LUMPUR

Konvoi amal sokong pusat spastik

KUALA LUMPUR 10 Mei - Lebih 200 belia bermotorskial bakal menyertai konvoi amal anjuran Kelab Motosikal Berkurusan Tinggi B-FULL BIKERS bagi menyokong Projek Pembangunan Semula Pusat Spastik Selangor dan Wilayah Persekutuan (SCAS&FT) pada Sabtu ini.

SCAS&FT dalam satu kenyataan berkata, projek bermula menerusi kesinambungan sokongan percutia untuk anak-anak kurang upaya dengan masalah cerebral palsy.

"Acara yang memberi im-

pak positif ini turut mendapat restu Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang berkenan menghantar ananda baginda, Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

"Turut diadakan lelongan amal barang motosikal hasil sumbangan ahli dan kumpulan motosikal lain," katanya.

Sementara itu, penulis buku Living With Meaning, Herley Abdul Hamid juga akan berkonfensi nilai syukur dalam kehidupan hasil inspirasi dari buku tersebut.

DIARI PBT



KEJOHANAN BOLASEPAK 9 SEBELAH TERTUTUP

KEJOHANAN diadakan pada 28 dan 29 Mei ini bertempat di Stadium Mini Juara dan Padang Awam, Kampung Sungai Buaya.

Johan berpeluang memenangi hadiah RM3,000, diikuti naib johan, RM1,500 manakala tempat ketiga dan keempat masing-masing RM750 dan RM500.

Hubungi Shahrimi (013-2342323), Nizam (012-6397015), Sharudin (013-6431137) untuk keterangan lanjut.



BAZAR RAMADAN 1437H/2016

BERMULA 8.30 pagi hingga 4.30 petang di Dewan Sri Siantan, Majlis Daerah Kuala Selangor.

Borang percuma dengan bayaran proses RM50, RM150 untuk satu petak niaga selain tambahan RM60 bagi peniaga air tebu dan seumpamanya.

Sila hubungi Bahagian Pelesiran MDKS di talian 03-32891439/1549/2423/4328 untuk keterangan lanjut.

PEJABAT BERGERAK MBSA SHAH ALAM ON WHEEL

JADUAL lokasi untuk minggu kedua adalah di Pasaraya Giant di Seksyen 18 pada 14 Mei ini diikuti Tesco Setia Alam, Seksyen U13 pada 21 Mei untuk minggu ketiga dan Plaza Shah Alam di Seksyen 9 pada 28 Mei.

Jadual bagaimanapun tertakluk kepada perubahan dengan perkhidmatan yang disediakan adalah laporan aduan, semakan dan pembayaran kompaun serta cukai tiksur, semakan status lesen dan jualan kupon letak kenderaan.



PROGRAM SANTAI SENI

PROGRAM diadakan di Dataran Cergas (Stadium Kang) setiap Sabtu dan Ahad bermula pukul 5 petang ini dianjurkan Jabatan Pembangunan Masyarakat, MPK dengan melibatkan pelbagai aktiviti.

Antara adalah busking santai, pameran seni lukisan, karikatur, live portrait, artistik arca dan cetak, puisi santai dan pameran santai yang membabitkan seni kraftangan.

JUALAN PERMIT, UNDIAN BAZAR RAMADAN 2016

LOKASI bazar adalah Gombak (Gombak Setia), Selayang (Kampung Nakoda, Taman Ehsan), Kepong (Kampung Melayu Sungai Buloh) dan Rawang (Bandar Rawang, Taman Tun Teja, Bandar Country Homes).

Jualan permit dan undian berlangsung pada 19 Mei bermula 9 pagi di Dewan Beringin, Sri Gombak dengan haraga satu petak niaga RM185 dan dua petak niaga RM335 dengan tambahan RM75 bagi peniaga yang mempunyai pembantu.

Tambahan RM100 bagi peniaga aik kelapa dan air tebu. Caj tambahan RM100 sekiranya membeli petak niaga selesa tarikh undian. Sebarang pertanyaan sila hubungi Jabatan Pelesiran MPS di talian 03-61265941/42/43.



Majlis Perbandaran Selayang

Headline	Red Giants tersungkur di Singapura		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 May 2016	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	171,663
Page No	32	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	482 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,614
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,842



Red Giants tersungkur di Singapura

KUALA LUMPUR 10 Mei - Aksi tidak menentu yang diharungi Selangor tiba di kemuncaknya hari ini apabila tersingkir daripada saingan Piala AFC selepas tumpas 0-1 kepada Tampines Rovers dalam perlawanan terakhir Kumpulan E di Stadium Nasional Singapura.

Turun dengan misi mencari sekurang-sekurangnya satu mata untuk layak ke peringkat kalah mati, anak-anak buah Zainal Abidin Hassan bagaimanapun dihukum oleh jaringan tunggal Yasir Hanapi pada minit ke-32.

Tiada sentuhan penyudah biarpun memiliki beberapa peluang untuk menjaringkan gol menjadi punca utama kekalahan Selangor, sekali gus menyaksikan Johor Darul Ta'zim (JDT) menjadi wakil tunggal Malaysia meneruskan kempen dalam kejohanan divisyen dua kelab Asia itu.

Penyingkiran awal ini pastinya menjadi tampiran hebat buat Selangor, yang berharap untuk melangkah sekurang-kurangnya ke peringkat kalah mati, malah ini adalah kekalahan kedua buat Red Giants kepada Tampines selepas tewas 0-1 dalam pertemuan pertama di Selayang, 8 Mac lalu.

Sebaik sahaja wisel permulaan ditiup kedua-dua pasukan memamer kekuatan seimbang dan saling berbalas serangan untuk mencari gol pembukaan.



PATRICK RONALDINHO (kanan) diasak pemain lawan dalam aksi di Singapura, malam tadi.

Bagaimanapun nasib lebih memihak kepada tuan rumah yang membuka jaringan menerusi Yasir hasil sepakan lengcong menarik menewaskan penjaga gol Selangor, Khairul Azhan Khalid.

Gol pertama itu seakan meniuup semangat pasukan Tampines untuk terus mengasak pertahanan pela-

wat dan hampir memperolehi gol kedua pada minit ke-39 menerusi rembatan deras Shahdan Sulaiman dari luar kotak penalti tetapi berjaya ditumbuk keluar Khairul Azhan.

Peluang terbaik Red Giants untuk memperoleh gol penyamaan menerusi sepakan bebas dari luar petak penalti yang diambil penyerang dari Argentina, Mauro Olivi pada minit akhir babak pertama berjaya ditepis penjaga gol tuan rumah, Izwan Mahbok.

Bersambung babak kedua, Selangor terus membuat serangan bertali arus ke arah kubu pertahanan Tampines, namun buntu mencipta jaringan.

Empat minit sebelum tamat permainan, tuan rumah terpaksa beraksi dengan 10 pemain selepas penyerangnya, Billy Mehmet dibuang padang apabila menerima kad kuning kedua.

Kekalahan ini menyebabkan Selangor gagal untuk menamatkan saingan peringkat kumpulan dalam kelompok dua terbaik, kedudukan yang melayakkkan mereka beraksi dalam pusingan 16 terakhir.

Red Giants menamatkan aksi Kumpulan E di tangga ketiga dengan lapan mata selepas enam perlawanan, empat mata di belakang juara, Ceres FC yang membela Sheik Jamal 5-0 dalam satu lagi perlawanan.

Tampines di tangga kedua dengan 10 mata.

Headline	Red Giants tersungkur di Singapura		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 May 2016	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	171,663
Page No	32	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	482 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,614
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,842



ANDIK VERMANSAH (kiri) cuba melepas halangan dua pemain Tampines Rovers dalam perlawanan Piala AFC, Kumpulan E di Stadium Nasional Singapura, malam tadi. - www.asiana.my

Headline	PROGRAM SANTAI SENI		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	36 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 718
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,154



PROGRAM SANTAI SENI

PROGRAM diadakan di Dataran Cergas (Stadium Kang) setiap Sabtu dan Ahad bermula pukul 5 petang ini dianjurkan Jabatan Pembangunan Masyarakat, MPKj dengan melibatkan pelbagai aktiviti.

Antaranya adalah busking santai, pameran seni lukisan, karikatur, live portrait, artistik arca dan cetak, puisi santai dan pameran santai yang membabitkan seni kraftangan.

Headline	PEJABAT BERGERAK MBSA SHAH ALAM ON WHEEL		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	39 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 771
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,312



**PEJABAT BERGERAK MBSA
SHAH ALAM ON WHEEL**

JADUAL lokasi untuk minggu kedua adalah di Pasaraya Giant di Seksyen 18 pada 14 Mei ini diikuti Tesco Setia Alam, Seksyen U13 pada 21 Mei untuk minggu ketiga dan Plaza Shah Alam di Seksyen 9 pada 28 Mei.

Jadual bagaimanapun tertakluk kepada perubahan dengan perkhidmatan yang disediakan adalah laporan aduan, semakan dan pembayaran kompaun serta cukai taksiran, semakan status lesen dan jualan kupon letak kenderaan.



Headline	BAZAR RAMADAN 1437H 2016M		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	32 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 632
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,897



BAZAR RAMADAN 1437H/2016M

BERMULA 8.30 pagi hingga 4.30 petang di Dewan Sri Siantan, Majlis Daerah Kuala Selangor.

Borang percuma dengan bayaran proses RM50, RM150 untuk satu petak niaga selain tambahan RM60 bagi peniaga air tebu dan seumpamanya.

Sila hubungi Bahagian Pelesenan MDKS di talian 03-32891439/1549/2423/4328 untuk keterangan lanjut.

Headline	KEJOHANAN BOLASEPAK 9 SEBELAH TERTUTUP		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	71 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,416
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,248



**DIARI
PBT**



**KEJOHANAN BOLASEPAK 9
SEBELAH TERTUTUP**

KEJOHANAN diadakan pada 28 dan 29 Mei ini bertempat di Stadium Mini Ju-gra dan Padang Awam, Kampung Sungai Buaya.

Johan berpeluang memenangi hadiah RM3,000, diikuti naib johan, RM1,500 manakala tempat ketiga dan keempat masing-masing RM750 dan RM500.

Hubungi Shahimy (013-2342323), Nizam (012-6397015), Sharudin (013-6431137) untuk keterangan lanjut.





Pengunjung, pesakit malah petugas Hospital Selayang berdepan masalah tempat letak kereta

Memang isu lama tapi sampai bila?

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA

kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 10 MEI

KEKURANGAN tempat letak kereta di hospital bukan satu isu baharu namun masalah itu tidak seharusnya membenggu masyarakat yang ingin mendapatkan rawatan perubatan.

Bayangkan di saat rawatan diperlukan pemandu masih lagi berpusing di tempat yang sama semata-mata mencari ruang kosong untuk meletak kenderaan.

Sebut sahaja Hospital Selayang, pasti ramai daripada kita yang pernah mendengar atau melalui sendiri pengalaman memerlukan mencari ruang untuk meletakkan kenderaan.

Tinjauan Utusan Malaysia di Kompleks Rawatan Harian hospital itu mendapati terdapat kenderaan yang diletakkan di bahu jalan dan tidak kurang juga secara berlapis.

Ini jelas menunjukkan tempat letak kereta disediakan tidak mampu menampung jumlah kenderaan pengunjung yang ingin

mendapatkan rawatan demam ringan, batuk, cirit-birit dan kehabisan ubat.

Bukan menghairankan jika jumlah pesakit bertambah saban tahun walaupun wujud masalah ini kerana Hospital Selayang adalah bertaraf hospital pakar di kawasan berkepadatan tinggi.

Pasti sangat terkilan apabila kereta tidak dapat dialihkan ekoran terdapat kenderaan lain yang menghalangnya di hadapan apatah lagi perlu menunggu untuk beberapa jam.

Siapa yang harus dipersalahkan apabila orang ramai terpaksa melanggar peraturan dengan meletakkan kereta di tempat yang tidak sepatutnya memandangkan kemudahan letak kenderaan adalah terhad.

Difahamkan terdapat kawasan lapang yang boleh ditransformasi kepada tempat letak kerderaan tambahan namun kekangan bajet mungkin menjadi punca penyeler-

saian belum kunjung tiba.

Seorang petugas yang enggan dikenali turut mencadangkan agar bangunan tempat letak kereta bertingkat benar-benar mampu menampung jumlah pengunjung atau berdepan masalah berulang seperti yang berlaku di Hospital Ampang.



Siapa yang harus dipersalahkan apabila orang ramai terpaksa melanggar peraturan dengan meletakkan kereta di tempat yang tidak sepatutnya memandangkan kemudahan tempat letak kenderaan adalah terhad.

REAKSI

SUKAR LETAK KERETA



SEJAK tiga tahun ini kekurangan tempat letak kenderaan di Hospital Selayang merupakan masalah utama bagi orang ramai yang ingin mendapatkan

rawatan. Lebih mengejutkan kereta yang tidak berada di dalam petak yang disediakan akan dikunci oleh pengawal keselamatan.

MOHD. RADZI MOHD BASIR, 41
Peniaga



TEMPAT letak kenderaan di Hospital Selayang perlu ditambah agar tidak menyusahkan pengguna. Contohnya, kami perlu berpusing

hampir satu atau dua jam untuk mencari kemudahan itu.

AMER HAMZAH AZMAN, 22
Peniaga



SAYA cadangkan agar pihak yang berkenaan mencari jalan penyelesaian dengan membina tempat letak kenderaan bertingkat. Dengan itu, orang ramai tidak perlu risau berkenaan kenderaan ketika mendapatkan rawatan.

MUHAMMAD HAFIZ ZAKARIA, 29
Polis



KEKURANGAN tempat letak kenderaan boleh menyebabkan berlakunya percaduhan. Siapa yang tidak marah apabila kereta telah dihalang serta perlu

menunggu beberapa jam untuk keluar.

ROHAFEIE PIE, 46
Surirumah



SEBAHAGIAN pengunjung terpaksa meletakkan kenderaan mereka di merata tempat dan perlu membayar denda untuk membuka tayar yang dikunci.

PAPAN tanda larangan letak kenderaan ini dilihat tidak relevan dengan situasi yang dihadapi pengunjung Hospital Selayang.



NOTIS LARANGAN
Dilarang Meletak kenderaan di sekitar kawasan ini. Pihak Pengurusan Hospital Selayang tidak bertanggungjawab ke atas segala risiko kerosakan atau kesulitan yang dihadapi.

Arahan : Pengurusan Hospital Selayang



TEMPAT letak kereta yang terhad di Hospital Selayang menimbulkan kesesakan yang bukan sahaja dialami pengunjung malah kakitangan hospital itu sendiri.
- UTUSAN/SURIYA BONMA



GARISAN kuning merupakan larangan letak kenderaan namun peraturan terpaksa dilanggar memandangkan petak letak kereta yang disediakan tidak mencukupi.



Tiada penyelesaian sejak 10 tahun lalu

Banjir kilat: Penduduk sudah muak, barang

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS

pengarang@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 10 MEI

BERDEPAN banjir kilat setiap kali hujan lebat sejak 10 tahun lalu sudah cukup membuat penduduk di sekitar Seksyen 4 di sini berang dan muak dengan sikap kerajaan PKR Selangor yang seolah-olah lepas tangan.

Rata-rata mereka yang ditemui menggesa pihak terlibat bertindak secara proaktif dalam infrastruktur perparitan bagi menyelesaikan masalah berkenaan.

Seorang penduduk, **Datuk Mat Yasir Ikhwan** berkata, masalah tersebut perlu segera diatasi memandangkan telah berlarutan sejak 10 tahun lalu.

“Saya tinggal di Seksyen 4 sejak 20 tahun lalu dan sejak sedekad lalu, masalah banjir kilat yang melanda semakin teruk.

“Punca banjir ini adalah disebabkan parit besar yang tersumbat sama ada disebabkan longgokan sampah atau saluran sedia ada dipenuhi lumpur,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mat Yasir menambah, pihak berkuasa tempatan dan Jabatan

Pengairan dan Saliran (JPS) seharusnya duduk semeja bagi merangka pelan jangka panjang supaya permasalahan banjir kilat dapat diatasi sepenuhnya.

Menurutnya, meskipun penduduk sudah lari dengan keadaan sedemikian, namun kerajaan negeri tidak boleh berpeluk tubuh sebaliknya perlu kerap turun padang menyelesaikan masalah berkenaan.

Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Rendah Kebangsaan Raja Muda, **Mohd. Zikrul Hakim Noor** menjelaskan, pihaknya akan membuat laporan kepada pihak berkuasa terabit berhubung banjir kilat yang sering melanda kawasan sekolahnya.

“Saya akan membuat laporan kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan JPS bagi memastikan sekolah ini tidak lagi dilanda banjir kilat yang boleh merencatkan sesi pembelajaran dan pengajaran murid-murid,” ujarnya.

Sementara itu, Ketua Pemuda UMNO Bahagian, **Datuk Ahnad Mua'adzam Shah Yaakop** mem-

beritahu, kejadian banjir kilat walaupun berkaitan fenomena alam semula jadi sepatutnya menyedarkan kerajaan negeri mencari jalan bagi memastikan saliran di negeri ini lancar tanpa halangan.

“Kita sedar kerajaan negeri bangga dengan rizab wang yang banyak namun sebaiknya rizab yang banyak tersebut sepatutnya dibelanjakan untuk menaiktaraf

longkang besar dan memantau secara sistematis taburan hujan sejak kebelakangan ini.

“Bandar raya Shah Alam memang dikenali sebagai kawasan yang mengalami hujan lebat sejak dulu lagi. Justeru, suatu bajet yang besar diperlukan untuk memastikan sistem saliran di seluruh banda raya ditingkatkan dari semasa ke semasa,” katanya.

Usaha bagi mendapatkan komen Pengurus Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani negeri, Zaidy Abdul Talib gagal apabila beliau enggan mengulas atas alasan sedang menghadiri mesyuarat.



BEBERAPA penduduk melihat kawasan hadapan Sekolah Kebangsaan Raja Muda Musa dilanda banjir kilat di Seskyen 4, Shah Alam, Selangor, semalam.



MAT YASIR IKHSAN



MOHD.ZIKRUL
HAKIM NOOR



AHMAD MU'ADZAM
SHAH YAAKOP



Saingan sengit, pertarungan maruah di Sungai Besar

TIMBALAN Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali pastinya sedang ‘menggelupur’ saat ini.

Setelah pakatan pembangkang yang baharu, pakatan harapan gagal dalam ujian pertama di Sarawak, Menteri Besar Selangor itu kini berpaling kepada Pas.

Nampaknya PAN, rata-ratanya dianggotai bekas pemimpin kanan dan ahli Pas yang diharapkan, hanya ‘indah khabar dari rupa’ sahaja kokok ayam jantannya. Dapat telur sahaja.

Pakatan harapan cuma meraih 10 daripada 82 kerusi ditandingi.

DAP pula bukan sahaja kecundang teruk di Bumi Kenyalang malah masih gagal memenangkan calon Melayunya. Setelah Dayna Sofya Mohd. Daud kalah pilihan raya kecil di Teluk Intan pada 2014, Perak, DAP menyasarkan pula calon tunggalnya, Abdul Aziz Isa di Batu Kitang. Tetap tidak disambut pengundi.

Maka kekosongan kerusi Parlimen Kuala Kangsar dan Sungai Besar terutamanya adalah medan memulihkan maruah pembangkang yang tercalar teruk.

Namun jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) harus diingatkan, saingen di kedua-dua kerusi Parlimen ini dijangka sengit.

Majoriti undi yang diperoleh BN menyusut dengan drastik sejak tiga pilihan raya umum lalu. Bagi kerusi Parlimen Kuala Kangsar pada pilihan raya umum (PRU) 2004 majoriti undi calon BN adalah 5,557 dan PRU 2008, 1,458 undi. Di kawasan Parlimen Sungai Besar pula, pada PRU 2004 majoriti adalah 7,349 dan PRU 2008, 5,009.

Siapa calon BN yang layak diletakkan di Sungai Besar? Adakah Setiausaha Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selangor, Budiman Mohd. Zuhdi, anak jati Sungai Limau, Sungai Besar yang juga ADUN Sungai Panjang? Atau mahu dilakukan Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar merangkap Pengerusi Sekretariat Gabungan NGO-NGO Malaysia, Datuk Jamal Md. Yunos? Atau barangkali bukan kedua-duanya?

Pas setakat ini membulatkan tekadnya mahu bertanding di ke-

ANALISIS

Zulkiflee Jalil



BUDIMAN MOHD. ZUHDI



AZIZ BARI



JAMAL MD. YUNOS

dua-dua kerusi yang kosong ini.

Bagaimanapun PKR pastinya tidak akan senyap begitu sahaja. PKR dan DAP tentunya merancang untuk menggilap semula imej mereka.

Dan DAP tentu tidak akan puas selagi calon Melayu mereka tidak meraih kemenangan.

Adakah kemungkinan calon PKR yang kalah di Parlimen Sabak Bernam, Dr. Aziz Bari yang baharu masuk DAP akan diberikan ruang untuk menamatkan cita-cita tidak kesampaian DAP ini?

Akhirnya adakah pola pengundian yang memihak kepada BN di Sarawak diterjemahkan di kedua-dua kerusi ini nanti?

KEPUTUSAN PRU-13

P93 SUNGAI BESAR

Jumlah Pengundi: 42,837

NORIAH KASNON (BN): 18,695

Mohamed Salleh M. Husin (Pas): 18,296

Majoriti: 399

N3 SUNGAI PANJANG

Jumlah Pengundi: 26,590

BUDIMAN MOHD. ZOHDI (BN): 12,606

Mohd. Fadzin Taslimin (Pas): 10,423

Majoriti: 2,183

N4 SEKINCHAN

Jumlah Pengundi: 16,247

Kek Seng Hooi (BN): 5,868

Ng Suee Lim (DAP): 8,107

Majoriti: 2,239



PAN tetap mahu letak calon

SHAH ALAM 10 Mei - Pilihan raya Kecil (PRK) Parliment Sungai Besar dijangka menyaksikan persaingan tiga penjuru apabila PAN menegaskan mahu meletakkan calon mereka untuk bertanding di kerusi itu.

Pengerusi PAN Selangor, Izham Hashim ketika dihubungi berkata, setakat ini pihaknya telah memaklumkan mengenai hasrat tersebut kepada kepimpinan PAN di peringkat pusat termasuklah PKR dan DAP yang merupakan parti rakan mereka dalam pakatan pembangkang baharu.

Katanya, sudah menjadi pendirian PAN sebelum ini bahawa parti itu akan meletakkan calon di mana-mana kerusi ditandingi Pas di negeri ini sama ada ia melibatkan kerusi Parliment atau Dewan Undangan Negeri (DUN).

“Sudah menjadi pendirian kita (PAN) akan bertanding di kawasan (Parliment dan DUN) yang ditandingi juga oleh Pas. Kita bertanding kerana Pas bukan sebahagian daripada komponen pakatan baharu (pembangkang).

“Bagaimanapun, hasrat ini akan kita bawa untuk dibincangkan di peringkat Majlis Pimpinan Presiden (MPP) yang turut melibatkan kepimpinan tertinggi kita (PAN) bersama PKR dan DAP,” katanya di sini hari ini.

Tambah Izham, buat masa ini, PAN menyenaraikan beberapa nama untuk dipertimbangkan sebagai calon dalam PRK tersebut yang mana tiga calon berkenaan adalah pemimpin PAN di Parliment Sungai Besar.

“Kita sememangnya bersedia dan berharap akan berlaku pertandingan satu lawan satu. Namun, jika Pas mahu teruskan meletakkan calon mereka dalam keadaan tiada hubungan dengan pakatan baharu, kita akan letak calon menentang Pas,” ujarnya.



Sertai blok ketiga: PKR belum bincang

SHAHALAM – “Belum ada keputusan konkrit mengenai cadangan tersebut.”

Itu jawapan ringkas Naib Presiden PKR, Tian Chua ketika ditanya pelawaan Pas mahu PKR bergabung dengannya dan menyertai blok ketiga yang ditubuhkan bersama Parti Ikatan Bangsa Malaysia (Ikatan) bagi menghadapi PRU14.

“Kita dengar dahulu. Setakat ini tiada apa-apa yang konkrit daripada parti menganinya,” katanya.

Pas sebelum ini menolak tawaran PKR untuk menyertai Pakatan Harapan bersama DAP dan Amanah bagi menghadapi PRU14.

Naib Presiden Pas, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah berkata, Pas sebaliknya lebih berminat jika PKR dapat menyertai blok ketiga yang ditubuhkan Pas bersama Ikatan.

Bagaimanapun menurut Mohd Amar, tiada perbincangan lagi ke arah itu dan Pas juga belum membincangkan tawaran Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sebelum ini yang menyatakan harapan untuk Pas bergerak bersama PKR, DAP dan Amanah bagi menghadapi PRU14.

Sementara itu, Naib Presiden PKR, Shamsul Iskandar Mohd Akin berkata, maklum balas Pas terhadap cadangan PKR menunjukkan per-

mulaan yang baik untuk semua parti politik pembangkang bekerjasama dalam satu polisi.

“Ia satu permulaan yang baik dan kita harus memanfaatkan jawapan positif ini untuk terus membincangkan faedah dan bagaimana parti-parti pembangkang dapat bekerjasama bagi memastikan objektif untuk mengalahkan BN pada PRU14 akan tercapai.

“Saya fikir mekanisme itu kita boleh diperincikan kemudian. Seperti saya katakan terdapat tanda-tanda positif untuk menjalin kerjasama dan ini suatu perkara yang baik dan tentunya kedua-dua pihak akan berbincang lebih lanjut.

Kita harapkan keterbukaan ini dapat digarap oleh semua pimpinan peringkat tertinggi di kedua belah pihak yang mahukan perubahan dalam negara,” katanya.



Headline	Pasar cantik, tandas kotor		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	11 May 2016	Circulation	279,000
Section	Nasional	Readership	837,000
Page No	37	ArticleSize	190 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 3,241
Journalist	N/A	PR Value	RM 9,723
Frequency	Daily		



Pasar cantik, tandas kotor

SHAH ALAM – Keadaan tandas di Pasar Seksyen 6, di sini yang rosak dan air bertakung menyebabkan pengunjung tidak selesa.

Seorang peniaga yang enggan dikenali berkata, pihaknya sudah beberapa kali membuat aduan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) berhubung isu tersebut.

“Persekutuan pasar tersebut cantik, tetapi kemudahan tandas awam yang disediakan mengecewakan. Pintu tandas rosak, kepala paip hilang dan air bertakung memang jejas imej pasar ini.

“Tapi difahamkan pihak kontraktor yang dilantik PBT dah buat kerja pembersihan di tandas berkenaan dan dah

baiki kepala paip yang rosak. Cuma kami harap PBT dapatlah selenggara kemudahan tandas ini lebih kerap,” katanya.

Sementara itu, Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad berkata, pihak majlis memohon jasa baik orang awam khususnya pengunjung di Pasar Seksyen 6 supaya dapat menggunakan kemudahan yang disediakan di pasar tersebut secara berhemah dan tidak melakukan kerosakan atau vandalisme terhadap kemudahan tersebut.

“Kita berusaha untuk memastikan keadaan persekitaran pasar itu dalam keadaan bersih

dan kemudahan awam yang sedia ada diperbaiki segera sekiranya berlaku kerosakan kerana pasar ini jadi tumpuan orang ramai bukan sahaja dari Shah Alam tetapi juga di kawasan sekitar,” katanya.

Beliau berkata, sehubungan itu kerjasama pengunjung dan peniaga di pasar tersebut amat diharapkan bagi memastikan pasar ini akan terus menjadi lokasi tumpuan masyarakat untuk mendapatkan bahan basah.

“Pihak MBSA akan terus memantau bagi memastikan pasar ini bersih dan kemudahan yang disediakan dalam keadaan baik dan mana-mana kerosakan akan diambil tindakan segera,” katanya.



Keadaan tandas di Pasar Seksyen 6 yang bertakung serta kepala pili yang sudah hilang.

Headline	4 iklan unipole haram diturunkan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	11 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	36	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	166 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,832
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,495



4 iklan 'unipole' haram diturunkan

SERDANG – Papan iklan yang memaparkan promosi tudung berjenama terkenal antara empat struktur iklan jenis 'unipole' yang diroboh Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dalam operasi dijalankan di Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban, lewat malam kelmarin.

Pengarah Jabatan Pelesenan MPSJ, Azfarizal Abdul Rashid berkata, majlis sudah mengeluarkan notis amaran kepada pemilik iklan dan memberi tempoh mencukupi, namun arahan gagal dipatuhi.

Menurutnya, operasi kelmarin susulan tindakan penguatkuasaan dijalankan pihaknya terhadap papan iklan yang didirikan di kawasan awam tanpa kebenaran pihak berkuasa tempatan (PBT) itu sejak seminggu lalu.

Pihaknya sebelum ini mengenalpasti 57 struktur papan iklan termasuk 39 papan iklan jenis 'billboard' dan 18 papan iklan jenis 'unipole' yang didirikan di sepanjang lebuh raya itu tidak mendapat kebenaran pihaknya.

Beliau berkata, pemilik iklan bukan sa-



Paparan visual yang memaparkan iklan promosi tudung berjenama terkenal antara yang diturunkan.

haja tidak mempunyai lesen iklan, malah tidak mendapat kelulusan struktur dan kebenaran penggunaan tapak.

Lebih dikesalkan, tahap keselamatan struktur didirikan diragui kerana tidak

mempunyai kelulusan aspek penempatan, malah visual yang dipaparkan kepada orang ramai tidak mematuhi piawaian MPSJ.

"Malam ini (kelmarin) pihak majlis turunkan empat iklan jenis 'unipole' dan robohkan struktur didirikan, pemilik turut dikenakan kompaun," katanya tindakan penguatkuasaan diambil di bawah Undang-Undang Kecil Iklan (MPSJ) 2007.

Katanya, pemilik berdepan kompaun tidak lebih RM2,000 dan kos perobohan iklan ditanggung pihak tersebut.

Azfarizal berkata, operasi bersepadu MPSJ yang dimulakan sejak 25 April lalu berjaya merobohkan sebanyak 10 struktur iklan jenis 'billboard', baki selebihnya 29 lagi diturunkan sendiri oleh pemilik.

Menurutnya, sehingga April sebanyak 185 kompaun dan 67 notis amaran dikeluarkan kepada pemilik iklan tanpa kebenaran di kawasan MPSJ.

Justeru, pihaknya memberi amaran kepada pengiklan supaya memohon kebenaran kepada pihak PBT terlebih dahulu.

Headline	Tiga parti perlu bersatu		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	11 May 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	35	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	63 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 620
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,860



Tiga parti perlu bersatu

SHAH ALAM - Pas Cawangan Kajang Sutera menggesa pemimpin Pas menerima pelawaan Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali agar mewujudkan semula kerjasama bersama PKR dan DAP seperti pada PRU 2008 dan 2013.

Ketuanya, Sharif Mahmud berkata, kerjasama antara ketiga parti itu amat penting kerana melihat pengalaman di Sarawak baru-baru ini, apabila berlaku pertandingan tiga penjuru, BN mampu mencapai kemenangan.

"Sebagai rakyat Selangor kami mahu gabungan Pas, PKR dan DAP terus mendirib negeri ini. Tanpa kerjasama ini (ketiga-tiga parti), BN mungkin akan kembali berkuasa.

"Kami harap pemimpin Pas memikirkan masa depan Selangor kerana banyak program Pas Pusat dianjurkan di Selangor dengan menggunakan kemudahan kerajaan negeri," katanya.

Sharif berkata, Selangor paling ramai hantar petugas dan sumbangan kewangan untuk Pilihan Raya Negeri Sarawak.

"Jadi jangan fikirkan masa depan Kelantan dan Terengganu sahaja, walau-pun ramai pemimpin Pas dari negeri itu," katanya.

Headline	Rebut Sungai Besar, Kuala Kangsar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	11 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	6	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	323 cm ²
Journalist	ONG BOON	AdValue	RM 5,510
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,529



Rebut Sungai Besar, Kuala Kangsar



Selepas berakhirnya PRN Sarawak Sabtu lalu, kini tumpuan seluruh negara beralih pula kepada pilihan raya kecil (PRK) Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Apa yang menariknya, antara parti-parti pembangkang sudah awal-awal lagi menyatakan kesediaan masing-masing untuk bertanding di kedua-dua kerusi Parlimen itu.

Itanya mengenai perkembangan ini, Pengurus Penyelidikan Merdeka Center, Tan Seng Kiat percaya PKR akan mengadakan rundingan dengan Pas, bagaimana pun, Pas dilaporkan enggan berunding dan akan tetap bertanding di Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Seng Kiat ketika ditemu bual oleh *Oriental daily* berkata, sekiranya PKR bertanding di Sungai Besar, manakala Pas pilih Kuala Kangsar, Amanah dijangka tidak akan pilih calon untuk bertanding di kedua-dua kerusi Parlimen tersebut.

Kata Seng Kiat, PKR dikatakan lebih berminat untuk bertanding di Sungai Besar kerana kawasan Dun ini terletak di Selangor. Di samping itu, PKR adalah parti yang mempunyai pengaruh lebih besar di Selangor

serta memiliki sokongan kuat daripada pengundi Cina.

"Parlimen Kuala Kangsar kemungkinan akan ditandingi oleh Pas. Parti itu dijangka pilih seorang pemimpin tempatan yang

diterima ramai. Namun apakah Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang sedia menyerahkan kerusi ini kepada parti lain, masa akan menentukannya," katanya.

Mengenai kedudukan Amanah, apakah parti ini akan 'kacau daun' di dua-dua kawasan ini? Kata Seng Kiat, sekiranya Amanah mengambil keputusan untuk bertanding, sudah pasti pertandingan tiga penjuru akan berlaku dan keadaan ini akan menguntungkan BN.

"Saya kurang yakin Amanah akan menang sekiranya parti ini bertanding dalam PRK kali ini, ini kerana biasanya bagi sesebuah parti politik, ia memerlukan masa 10 tahun untuk menunjukkan prestasi sebenar kepada rakyat.

"Amanah mendakwa menyalurkan perjuangan berlainan dengan Pas. Namun adalah dijangkakan dalam tempoh 10 tahun ini, parti ini tidak dapat menunjukkan hasil yang meyakinkan.

"Dalam politik, sumber dan kebolehan peribadi perlu diutamakan. Buat masa ini, Amanah dilihat tidak jauh bezanya dengan Pas yang akhirnya mencetuskan persengketaan antara pemimpinnya dengan bekas-bekas rakan seperjuangan mereka dalam Pas," jelasnya.

Seng Kiat meramalkan, dalam kedua-dua PRK ini, BN mungkin akan menang satu kerusi dan kalah satu kerusi. Tidak sekiranya bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad turun padang berkempen untuk parti pembangkang, kemungkinan BN akan mengalami kekalahan di Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Dalam pada itu, akhbar ini difahamkan, selain Amanah, DAP juga tidak ketinggalan akan bertanding dalam PRK kali ini. Penyertaan DAP ini dipercayai ingin

'mengubati luka' yang mengalami kekalahan pada PRN Sarawak baru-baru ini.

Malahan, keputusan DAP untuk turut serta dalam PRK juga dikatakan terikut-ikut dengan tindakan DAP Sarawak yang dilihat tidak mengutamakan masa depan barisan pembangkang apabila berkeras bertembung dengan PKR dalam enam kerusi pada PRN Sarawak itu.

Sementara itu, seorang penganalisis politik terkenal, Dr Phoon Wing Keong berpendapat, hasrat PKR untuk mengajak

Pas kembali bersama sebagai satu pasukan adalah sukar untuk dicapai dalam masa terdekat ini.

Kata Dr Wing Keong kepada *Sin Chew Jit Poh*, Pas dipercayai tidak akan menyertai Parti Harapan, sekurang-kurangnya di bawah pimpinan Abdul Hadi buat masa sekarang. Bagaimanapun parti itu mungkin setuju dari segi pembahagian kerusi untuk memastikan satu lawan satu dengan BN dalam PRU14.

"Pada peringkat sekarang, PKR mungkin akan mengadakan pakatan dengan Pas secara tidak rasmi, terutama sekali dalam pembahagian kerusi. Dalam masa yang sama, kedua-dua parti ini masih boleh bekerjasama bagi mengelakkan kuasa pemerintahan di Selangor," kata penganalisis politik itu lagi.

Berlainan pula dengan DAP. Kata Dr Wing Keong, hubungan antara Pas dengan DAP sudah retak dan tiada ada harapan lagi untuk kedua-dua parti bekerjasama semula.

"Bagi penyokong DAP, mereka cukup kecewa dengan Pakatan Rakyat yang terpaksa dibubarkan akibat tindakan Abdul Hadi yang dilihat berbaik dengan pemimpin Umno dan menegaskan perlaksanaan hudud. DAP sokong Amanah dan berharap boleh menggantikan Pas suatu hari nanti," katanya lagi.



/SUKAN



Foto: www.the-afc.com

SELANGOR TERSINGKIR

■ ZURAIMEE ZAINAL

HASRAT Selangor untuk mara ke pusingan kedua saingan Piala AFC musim ini tidak kesampaian selepas tewas 0 -1 kepada Tampines Rovers dalam aksi terakhir Kumpulan E di Stadium Nasional, Singapura, malam tadi.

Tampil bertandang ke laman lawan dengan misi melakar tiga mata skuad kendalian Zainal Abidin Hassan bermula agresif mengasak kubu tuan rumah yang dikawal rapi penjaga gol Tampines, Izwan Mahbud.



Namun, sepakan Yasir Hanapi ke penjuru gawang *The Red Giants* minit ke-31 menewaskan Khairul Azhan Khalid meletakan tuan rumah mendahului babak pertama.

Bersambung babak kedua *Red Giants* cuba bangkit bagi menyamakan kedudukan, namun ketangkasan Izwan sekali lagi menafikan hajat pelawat sehingga wisel penamat.

Sementara itu dalam satu lagi aksi, Ceres La Salle FC tidak menghadapi masalah menewaskan kelab tercorot Sheikh Jamal 5-0 di Bacolod City untuk mengiringi Tampines melangkah ke pusingan seterusnya.



11 May 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: Mohd Azrone Sarabatin • Section: Nasional • Page: 17 • Printed Size: 516.00cm²

Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 17,719.00

PR value: MYR 53,157.00 • Item ID: MY0025991159

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektaohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 3

SPR bincang tarikh dua PRK Jumaat

➔ Pemakluman rasmi kekosongan 2 kerusi Parlimen diterima

Oleh **Mohd Azrone Sarabatin dan Suhaila Shahrul Annuar**

bhnews@bh.com.my

► Putrajaya

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan mengadakan mesyuarat khas, Jumaat ini untuk menentukan tarikh Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kuala Kangsar, Perak dan Sungai Besar, Selangor.

Mesyuarat itu akan membincangkan tarikh kekosongan kedua-dua kerusi Parlimen berkenaan, hari penamaan calon, hari pengundian awal, hari pengundian, daftar pemilih yang digunakan dan persiapan lain.

Setiausaha SPR, Datuk Abdul Ghani Salleh dalam satu kenyataan semalam, berkata mesyuarat khas itu akan dipengerusikan Pengurusnya, Datuk Seri Mohd Hashim Abdullah di Ibu Pejabat SPR di sini diikuti

sidang media.

Ghani mengesahkan SPR menerima pemakluman rasmi daripada Yang Dipertua Dewan Rakyat, Isnin lalu berhubung kekosongan kerusi Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.067 dan P.093 berikutan kematian penyandangnya, Datuk Wan Mohammad Khair-il Wan Ahmad dan Datuk Noriah Kasnon akibat nahas helikopter di Sebuyau, Sarawak pada 5 Mei lalu.

“Selaras dengan Artikel 54 (1) Perlembagaan Persekutuan, wujud kekosongan luar jangka dan bagi mengisi kekosongan kerusi P.067 dan P.093. SPR akan mengadakan mesyuarat khas untuk membincangkan semua perkara berkaitan kedua-dua PRK itu,” katanya.

Pertandingan tiga penjuru

Ketika Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) pada 13 Mei 2013, Wan Mohammad Khair-il memang pertandingan tiga penjuru membabitkan calon PAS dan Bebas, manakala Noriah mengalahkan calon PAS.

Di Kuala Lumpur, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia, berkata PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar perlu diadakan dalam tempoh 60 hari selepas SPR mengisyiharkan kekosongan kerusi itu berikutan kematian penyandangnya.

“Saya sudah mengemukakan satu pemberitahuan kepada Pengerusi SPR, semalam (kelmarin) berhubung kekosongan itu,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.



11 May 2016
Berita Harian, Malaysia

Author: Mohd Azrone Sarabatin • Section: Nasional • Page: 17 • Printed Size: 516.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 17,719.00
PR value: MYR 53,157.00 • Item ID: MY0025991159

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiausahaong@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 3



 Selaras dengan Artikel 54 (1) Perlembagaan Persekutuan, wujud kekosongan luar jangka dan bagi mengisi kekosongan kerusi P067 dan P093. SPR akan mengadakan mesyuarat khas untuk membincangkan semua perkara berkaitan kedua-dua PRK itu”

Abdul Ghani Salleh,
Setiausaha SPR



11 May 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: Mohd Azrone Sarabatin • Section: Nasional • Page: 17 • Printed Size: 516.00cm²

Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 17,719.00

PR value: MYR 53,157.00 • Item ID: MY0025991159


PEJARAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektaohuong@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 3 of 3





Calon PAS diumum masa terdekat

Shah Alam: PAS Selangor dan Perak memutuskan siapa calon daripada parti itu yang bakal bertanding dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar dalam tempoh terdekat.

Pesuruhjaya PAS Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad, berkata PAS Selangor akan mengadakan perbincangan dengan PAS Pusat sebelum mengumumkan nama calon.

“Tunggu sehari dua lagi, kita tidak boleh buat keputusan sekarang kerana Speaker (Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia) baru sahaja umumkan kesosongan,” katanya yang juga Naib Presiden PAS Pusat ketika dihubungi BH, semalam.

Pesuruhjaya PAS Perak, Razman Zakaria, berkata PAS Perak juga sudah bersiap sedia untuk meletakkan calonnya di PRK Parlimen Kuala Kangsar.

Belum bincang

“Apa yang pasti kerusi itu memang dipegang oleh PAS sejak sekian lama, cuma kami masih belum mengadakan mesyuarat membincangkan hal itu (PRK) lagi.

“Soal parti pembangkang lain yang mengintai kerusi yang mana PAS akan meletakkan calon, bukan soal kita kerana PAS dengan pakatan pembangkang sudah tidak ada apa-apa kaitan,” katanya.

Antara nama disebut-sebut bakal calon PAS di Kuala Kangsar ialah Yang Dipertua PAS Kuala Kangsar, Dr Raja Ahmad Iskandar Al-Hiss.

Sementara itu, Parti Amanah Negara (Amanah) juga tetap mahu meletakkan calon di Kuala Kangsar.

Pengerusi Amanah Perak, Asmuni Awi, berkata Amanah sudah mempunyai calon untuk diletakkan meskipun PAS bertegas untuk meletakkan calonnya.



Palu gendang hadapi PRK

■ Medan uji kepaduan BN, parti pembangkang



Jika tidak ada aral melintang, negara bakal menyaksikan dua lagi Pilihan Raya Kecil (PRK) diadakan selepas ini bagi Parlimen Sungai Besar, Selangor dan Kuala Kangsar, Perak berikutnya kematian penyandang kerusi itu dalam naas helikopter ketika kempen Pilihan Raya Negeri Sarawak (PRN ke-11) 5 Mei lalu.

Difahamkan, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sudah menerima pemakluman rasmi berhubung kekosongan kedua-dua kerusi itu daripada Yang Dipertua Dewan Rakyat jam 6 petang kelmarin dan satu mesyuarat khas akan diadakan esok selaras Artikel 54 (1), Perlembagaan Persekutuan berkaitan wujud kekosongan luar jangka dan bagi mengisi kekosongan kerusi P.067 Kuala Kangsar dan P.093 Sungai Besar.

Ironinya, kini desas-desus mengenai calon yang akan bertanding sudah kedengaran, malah pembangkang khususnya PAS, sejak beberapa hari lalu galak menancang untuk bertanding di kedua-dua kerusi itu seperti dilaporkan portal atas talian.

BN tidak mahu kalah, apabila turut mengumumkan bersedia bertanding di kedua-dua kawasan apabila Setiausaha Agungnya, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dipetik berkata, pihaknya kini melakukan penelitian awal mengenai ka-

wasan, senarai pengundi, demografi, komposisi kaum dan calon berpotensi.

Bagi Barisan Nasional (BN) mahupun pembangkang, kemenangan di kedua-dua kerusi berkenaan amat penting sekalipun sebarang keputusan tidak akan menjaskan pemerintahan kerajaan di peringkat Pusat.

Penulis tertarik dengan pandangan penganalisis politik Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Sivamurugan Pandian bawa kemenangan penting sebagai keabsahan atau legi-

timasi moral rakyat terhadap pemimpin untuk merintah, membuat dan melaksanakan keputusan politik.

Katanya, PRK itu juga disifatkan ujian sebenar bagi BN dan PAS dalam meraih sokongan pengundi kelak dari segi legitimasi politik.

"Selepas tiga tahun merintah, kemenangan pada PRK Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar menjelaskan sokongan rakyat terhadap kerajaan BN.

"PRK ini lebih besar dan penting daripada PRN Sarawak kerana isu akan dibawa adalah bersifat nasional. Tidak dapat tidak isu seperti 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST) dan kos sara hidup akan menjadi bahan kemenangan."

"Ia juga medan menguji sejauh mana kesepadan parti BN mahupun pembangkang dalam menghadapi pilihan raya dan se suatu boleh dipelajari daripada Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Adenan Satem dalam mengekalkan kerusi

dimenangi," katanya.

Pandangan beliau ada kebenarannya dan perlu diteliti oleh jentera BN untuk mula merancang dari sekarang. Biarkan pucuk pimpinan menentukan siapa calon dan ia perlu diterima sebulat suara dan didokong semua pihak.

Pengajaran cukup jelas dengan kemenangan besar BN pada PRN Sarawak tempoh hari apabila tiadanya perbalahan atau perebutan kerusi berbanding pembangkang, iaitu antara PAS, DAP, PKR dan Parti Amanah Negara (AMANAH).

Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2013, kedua-dua kawasan itu ditan digi oleh calon PAS melawan BN, namun kedua-duanya tewas. Calon PAS di Kuala Kangsar, Drs Khalil Idham Lim tewas di tangan Allahyarham Datuk Wan Mohamad Khair-il Anuar Wan Ahmad dengan majoriti 1,082 manakala calon PAS Mohamad Salleh Husin tewas kepada Allahyarham Datuk Noriah Kasnon dengan majoriti 399 undi.

Jumlah majoriti agak kecil ini membimbangkan, justeru jentera BN sudah sepertinya mula bergerak dari sekarang untuk berkempen bagi memastikan BN dapat mengekalkan kerusi dimenangi.

Sementara itu, bekas Pensyarah Pusat Pengajian Sains Sosial Universiti Sains Malaysia, Prof Ahmad Atory Hussain berpendapat tidak timbul isu undi simpati pada dua PRK terbabit ekoran kematian Noriah (Sungai Besar) dan Wan Mohamad Khair-il (Kuala Kangsar).

Katanya, ini kerana berdasarkan pemerhatian dan kajian beliau, pengundi hari ini bersifat lebih profesional dan tidak dipengaruhi emosi dalam membuat keputusan mengundi.

"Cuma saya nampak, pengundi muda bakal menjadi faktor kemenangan sama ada bagi BN atau pembangkang pada PRK itu kelak," katanya.

Pada PRN Sarawak, kerusi ditandingi oleh PAS turut ditandingi oleh AMANAH mewakili Pakatan Harapan yang dibentuk selepas Pakatan Rakyat berkubur dan senario ini mungkin berlaku pada dua PRK berkenaan nanti.

Keceluaran pembangkang ini memberikan kredit bagi BN, malah kenyataan Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Azmin Ali yang cuba memujuk PAS kembali bersama DAP dan PKR bagi menghadapi PRU Ke-14 jelas menunjukkan kegagalan parti serpihan PAS, AMANAH meraih sokongan pengundi.

Isu undi simpati tidak timbul jika dinilai pada PRK Rompin apabila calon BN Datuk Hasan Arifin menang dengan majoriti 8,895 undi berbanding penyandang Allahyarham Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis memperoleh majoriti 15,114 undi setelah meraih 30,040 undi. Pendekarnya daripada PAS, Nurridah Mohd Salleh pula mendapat 14,926 undi.

Hasan Arifin hanya memperoleh 23,796 undi manakala calon PAS, Nazri Ahmad mendapat 14,901 undi selain peratusan mengundi yang rendah berbanding pada PRU-13.



11 May 2016
Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Setempat • Page: 42 • Printed Size: 169.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 6,632.00
PR value: MYR 19,896.00 • Item ID: MY0025991228

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: setakohuong@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Mesyuarat khas SPR bincang urusan dua kerusi

Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan mengadakan mesyuarat khas Jumaat ini bagi membincangkan pilihan raya kecil (PRK) dua kerusi Parlimen P.067 Kuala Kangsar, Perak dan P.093 Sungai Besar, Selangor.

Setiausaha Datuk Abdul Ghani Salleh berkata, dua kerusi berkenaan kosong berikutan kematian penyandangnya Datuk Wan Mohammad Khair-il Wan Ahmad (Kuala Kangsar) dan Datuk Noriah Kasnon (Sungai Besar) akibat naas helikopter di Sebuyau, Sarawak pada 5 Mei lalu.

Beliau berkata, agenda utama ialah membincangkan tarikh penting seperti hari penamaan calon, hari pengundian awal, hari pengundian, daftar pemilih yang akan digunakan dan persiapan lain yang diper-



lukan bagi melaksanakan PRK itu.

"Mesyuarat khas itu akan dipengerusikan Penggerusi SPR Datuk Seri Mohd Hashim Abdullah. Kami sudah terima pemakluman rasmi daripada Yang Dipertua Dewan Rakyat petang semalam berhubung kekosongan kerusi Bahagian Pilihan Raya berkenaan,"

kataanya dalam kenyataan,

“

Mesyuarat khas akan dipengerusikan Penggerusi SPR Datuk Seri Mohd Hashim Abdullah. Kami sudah terima pemakluman rasmi daripada Yang Dipertua Dewan Rakyat petang semalam berhubung kekosongan kerusi Bahagian Pilihan Raya berkenaan”

Abdul Ghani

di sini, semalam.

Katanya, sehubungan itu, selaras dengan Artikel 54(1) Perlembagaan Persekutuan, wujud kekosongan luar jangka dan pilihan raya kecil akan diadakan bagi mengisi kekosongan kerusi P.067 dan P.093.

>>**Mesyuarat khas esok bagi membincangkan PRK dua kerusi, Parlimen Kuala Kangsar, Perak dan Sungai Besar, Selangor**



11 May 2016
Kosmo, Malaysia

Author: Nor Shafawati Yup • Section: Negara • Page: 19 • Printed Size: 309.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 8,019.00
PR value: MYR 24,057.00 • Item ID: MY0025991526

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3 BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Warga emas sedih rumah rosak dinaiki air

Oleh NOR SHAFAWATI YUP
dan SUHANA MD. YUSOP

DENGKIL – Seorang warga emas tidak dapat menahan rasa sedih apabila semua barang keperluan harian dan elektrik musnah dalam kejadian banjir di Kampung Revolusi Hijau dekat sini pada Ahad lalu.

Menurut mangsa, Fatimah Baba (**gambar kecil**), 70, dalam kejadian pada pukul 3.30 pagi itu dia sedang nyenyak tidur bersama seorang cucu lelaki di rumah yang disewanya sejak dua tahun lalu itu.

"Habis semua kain baju, garam dan gula bila air naik sampai ke paras dada. Sampai sekarang rumah pun belum bersihkan sebab makcik tak larat.

"Banjir berlaku sekelip mata dan sempat kejutkan cucu selamatkan apa yang patut sebelum meninggalkan rumah," katanya ketika ditemui selepas banjir mulai surut di rumahnya petang semalam.

Fatimah yang mengalami

penyakit lelah, darah tinggi dan kencing manis memerlukan, dia terpaksa menumpang di rumah seorang penduduk kerana tidak larat untuk ke pusat pemindahan mangsa banjir.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Dengkil, Shahrum Mohd. Sharif yang turut turun padang bersama ahli Wanita, Pemuda dan Puteri kawasan bagi membantu kerja-kerja pembersihan rumah Faridah dan 10 buah keluarga lagi yang terjejas ekoran banjir tersebut.

"Kerajaan negeri Selangor perlu memainkan peranan dengan menaik taraf Sungai Langat serta memperkuatkan struktur ban yang dibina agar tidak lagi pecah atau masalah ini akan terus menyusahkan penduduk yang terpaksa berhadapan banjir.

"Saya mengharapkan ada penyelesaian jangka pendek iaitu dengan membina tiga

hingga empat kolam takungan air bagi mengawal limpaan air yang banyak dari Sungai Langat," katanya.

Beliau berkata, sehingga petang semalam, seramai 303 mangsa banjir di sini masih tinggal di pusat pemindahan manakala selebihnya sudah pulang untuk membersihkan kediaman.

Dianggarkan jumlah kerugian bagi banjir kali ini mencecah sebanyak RM200,000.

Antara yang teruk terjejas ialah Kampung Cemperei, Kampung Revolusi Hijau, Kampung Semarang, Ampar Tenang, Taman Baiduri, Kampung Lalang dan Kampung Seri Tanjung.

Sementara itu, Ketua Penolong Setiausaha (Unit Pengurusan Bencana) Negeri Selangor, Ahmad Fairuz Mohd. Yusof pula berkata, seramai 77 mangsa bah sekitar Selangor yang ditempatkan di Dewan Orang Ramai ramai

Kampung Ampar Tenang di sini, Balai Rinching Hilir Beranang, Hulu Langat, Dewan Komuniti Taman Semenyih Indah dan Surau Ikhwanul Muslimin Kampung Sungai Buah Luar telah dibenarkan pulang ekoran keadaan banjir yang telah surut sejak malam kelmarin.

"Bagaimanapun, terdapat 416 mangsa bah di Selangor masih mendapatkan perlindungan di lima buah pusat pemindahan," katanya.

Sementara itu di Klang, seramai 23 mangsa daripada lapan keluarga dari Kampung Perepat, Kapar masih ditempatkan di pusat pemindahan di Dewan Orang Ramai Kampung Perepat di sini.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Pinang, Zaidi Atan berkata, kesemua mereka dipindahkan ke pusat pemindahan tersebut selepas rumah yang didiami rosak ekoran ribut petir yang melanda Sabtu lalu.



Pihak berwusa mahu pastikan keselamatan orang ramai terjamin di Dengkil, Klang.
Mangsa bah belum boleh pulang

KERATAN Kosmo! semalam.



SHAHRUM (dua dari kiri) membantu membersihkan rumah penduduk di Kampung Revolusi Hijau yang terjejas akibat banjir yang berlaku pada Sabtu lalu.



11 May 2016
Kosmo, Malaysia

Author: Ahmad Shaherman Shamsuri • Section: Negara • Page: 19
Printed Size: 279.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 7,240.00 • PR value: MYR 21,720.00 • Item ID: MY0025991525

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektaikor@govt.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Air naik paras buku lali, pokok tumbang di beberapa kawasan **Shah Alam dilanda banjir kilat**

Oleh AHMAD SHAHERMAN
SHAMSURI
dan ABDUL RAZAK IDRIS

SHAH ALAM — Hujan lebat lebih sejam yang bermula kira-kira pukul 4 petang semalam telah menyebabkan beberapa kawasan di daerah ini mengalami banjir kilat dan pokok tumbang.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad berkata, hujan lebat lebih sejam menyebabkan beberapa kawasan di bandar raya ini dinaiki air hingga paras buku lali.

Jelasnya, antara kawasan yang ditenggelami banjir kilat ialah di kawasan sekitar Seksyen 4 terutamanya berdekatan Sekolah Rendah Kebangsaan Raja Muda, di sini.

"Selain banjir kilat pihaknya turut menerima aduan berkaitan pokok tumbang di beberapa kawasan termasuk Seksyen 3, 9 dan 13," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Shahrin memberitahu, pihaknya membuka talian

24 jam bagi membolehkan orang ramai membuat aduan kecemasan dengan menghubungi 03-55105811.

Sementara itu, penduduk di kawasan Seksyen 4 di sini berharap pihak berkuasa yang terlibat dengan infrastruktur perparitan menyelesaikan masalah banjir kilat yang melanda kawasan tersebut.

Menurut seorang wakil penduduk di kawasan di Seksyen 4, Datuk Mat Yasir Ihsan, masalah banjir kilat yang sering berlaku

perlu diatasi kerana ia telah berlaku sejak 10 tahun yang lalu.

"Punca banjir ini adalah disebabkan parit besar yang tersumbat sama ada disebabkan sampah atau saluran sedia ada telah dipenuhi lumpur," katanya.

Dalam perkembangan sama, pusat beli-belah Anggerik Mall di Seksyen 14 juga terjejas ekoran banjir kilat semalam.

Menurut peniaga di sana, hujan lebat telah

menyebabkan bumbung pusat beli-belah tersebut bocor lalu dimasuki air.

Pada Sabtu lalu, beberapa kawasan sekitar Dengkil dan Klang dilanda banjir kilat, seramai 388 penduduk di Dengkil terpaksa dipindahkan selepas paras air Sungai Langat meningkat sementara di Klang, 41 penduduk dipindahkan ke pusat pemindahan ekoran rumah mereka rosak teruk akibat ribut petir yang melanda hari sama.



SEBAHAGIAN jalan di sekitar Sekolah Kebangsaan Raja Muda Musa, Seksyen 4 Shah Alam dinaiki air semalam.



KELIHATAN beberapa peniaga mengeringkan lantai tingkat bawah pusat beli-belah Anggerik Mall yang digenangi air selepas hujan lebat di Shah Alam semalam.



11 May 2016
The Sun, Malaysia

Author: No author available • Section: National • Page: 8 • Printed Size: 34.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 554.46
PR value: MYR 1,663.38 • Item ID: MY0025990662

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAU BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

MPSJ MOVES AGAINST ILLEGAL ADVERTISERS

PETALING JAYA: The Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) is coming down hard on advertisers who illegally advertise on billboards and unipoles within its jurisdiction. Its corporate communication officer, Muhammad Azli Miswan, said the council had taken down 21 unapproved advertising structures under its jurisdiction since the start of the year. This included a recent operation along the Kuala Lumpur-Seremban Expressway on Monday where it took down four unipole advertisements, and 10 billboards on April 25. An additional 33 advertising structures were removed by the owners during the same period.

Headline	EC to set dates of Sg Besar, Kuala Kangsar by-elections on Friday		
MediaTitle	New Straits Times		
Date	11 May 2016	Color	Full Color
Section	Local News	Circulation	74,711
Page No	6	Readership	240,000
Language	English	ArticleSize	202 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,963
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,889



EC to set dates of Sg Besar, Kuala Kangsar by-elections on Friday

PUTRAJAYA: The Election Commission (EC) will hold a special meeting on Friday to set the dates of the Sungai Besar and Kuala Kangsar by-elections.

The two seats fell vacant when incumbents Sungai Besar member of parliament Noriah Kasnon and Kuala Kangsar MP Datuk Wan Mohammad Khairil Anuar Wan Ahmad were killed in a helicopter crash in Sarawak last week.

EC Secretary Datuk Abdul Ghani Salleh said dates for nomination, polling, early voting, as well as preparations for the by-elections would be deliberated in the special meeting.

He said EC chairman Datuk Seri Mohd Hashim Abdullah would make an official announcement on the by-elections after the meeting.

"The meeting will be chaired by the EC chairman and this is in accordance with Article 54 (1) of the Federal Constitution, whereby an unexpected vacancy had occurred for the Kuala Kangsar and Sungai Besar seats," he said yesterday.

Ghani said the commission had received on Monday the official notification from the Dewan Rakyat speaker that the two seats were vacant.

Noriah and Khairil, along with four others, were on their way to Kuching from Betong when their helicopter crashed.

The helicopter took off from SMK Spaoh at 4.12pm on Thursday and was at the halfway point of the scheduled journey to Kuching when it vanished from radar at 4.32pm.



11 May 2016
New Straits Times, Malaysia

Author: No author available • Section: Sport • Page: 39 • Printed Size: 340.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 11,675.00
PR value: MYR 35,025.00 • Item ID: MY0025991062

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Darul Ta'zim wary of Cobelli threat

BEWARE of the one called Juan Manuel Cobelli in the PKNS team.

That's the warning from coach Mario Gomez to his Darul Ta'zim team about the PKNS striker from Argentina in Saturday's FA Cup final at Shah Alam Stadium.

Cobelli, the third highest goal scorer for PKNS with nine, had played for Gomez, when the latter was coaching Ecuadorian club Deportivo Cuenca between March and December in 2014.

Argentine Gomez recorded 13 wins, nine draws and 15 defeats in all competition with Deportivo Cuenca before joining Hong Kong's South China.

"I know Cobelli. He played for me with Deportivo Cuenca in Ecuador.

He is a good striker, who not only scores goals but also creates for his

teammates," said Gomez.

"PKNS have other good foreign attacking players. Gabriel Guerra and Matias Jadue are enjoying a great season. PKNS may be a Premier League side but we respect them. But we are definitely not scared of them. We want to win in 90 minutes."

Understandably, Gomez will be resting several regulars when his team play India's Bengaluru FC in an AFC Cup Group H match at Larkin Stadium today.

The reigning AFC Cup winners will top the group, regardless of the result today after having won the opening five matches while Bengaluru have also confirmed their last 16 spot as runners-up.

"We want our regulars to be fresh

for the FA Cup final. However, we are playing for a win tomorrow as we want to end our AFC Cup group campaign with a 100 per cent record.

"My squad have depth and everyone is equally capable. I want those who are playing tomorrow to take this chance and play good football. I expect a win against Bengaluru."

Bengaluru assistant coach

Matthew Holland said the club have brought eight Under-23 players for the match.

"We need to develop our upcoming players by giving them exposure in Asian-level matches. We have already qualified but we hope to play well tomorrow," he said. "Darul Ta'zim are not only the best team in Malaysia but also among the best in Asia. But we are tactically prepared."

PKNS players train in Kelana Jaya on Monday as they prepare to face Darul Ta'zim in the FA Cup final on Saturday. Pic by Hasriyasyah Sabudin





Argentines at the heart of battle for FA Cup supremacy

PKNS' Gabriel Guerra and Juan Manuel Cobelli may have been products of rival clubs in Argentina but the strikers have put that aside to lead the Premier League club into the FA Cup final.

Guerra, who joined PKNS last year, played for Boca Juniors' Under-20 side while Cobelli spent his youth career with Newell's Old Boys from 2007-11.

